

17 Pati jadi ulat parkir ditahan

Kuala Lumpur: Kegiatan 17 ulat parkir dalam kalangan pendatang asing tanpa izin (Pati) yang meminta bayaran 'seikhlas hati' berakhir apabila mereka ditahan pihak berkuasa menerusi Ops Kutip di Jalan Berangan, Bukit Bintang di sini, kelmarin.

Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kuala Lumpur, Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff berkata, operasi dijalankan pasukan KL Strike Force JIM dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 1 tengah hari.

"Seramai 17 Pati ditahan terdiri daripada 15 warga Myanmar dan dua warga Bangladesh, kesemuanya lelaki berusia lingkungan

20 hingga 30-an.

"Operasi dijalankan di dua lokasi berhampiran, di sini di mana 11 Pati ditahan di lokasi pertama dan enam orang di lokasi kedua," katanya ketika dihubungi.

Terdahulu tular di media sosial satu klip video berdurasi satu minit 38 saat berhubung rungutan seorang warga tempatan berkenaan kehadiran warga asing yang sesuka hati meminta caj parkir di kawasan awam.

Dalam video dengan kapsyen 'apa dah jadi dekat Bukit Bintang' itu memaparkan sekumpulan lelaki yang dikatakan warga Myanmar didakwa bekerja sebagai ulat parkir di kawasan berkenaan.